

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 03.11.2025 MASA: 6:30PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

BENGKEL HALATUJU 2025-2030 DAN SEBERANG PERAI
CORPORATE PRIORITIES 2026

TARIKH / MASA / TEMPAT

04 & 05 NOVEMBER 2025 (SELASA & RABU)
8:30 PAGI

THE LIGHT HOTEL SEBERANG JAYA

Disediakan oleh Jabatan Korporat

Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI

Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Yang saya kasihi Ketua-Ketua Jabatan, semua pegawai-pegawai kanan tidak kira gred dan jawatan di dalam pasukan hari ini bagi menetapkan Halatuju 2025-2030 dan *Corporate Priorities 2026*.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian,

Hari ini merupakan satu *turning point* yang akan menentukan bagaimana Seberang Perai akan dicorakkan untuk 5 tahun yang akan datang. Ianya merupakan satu wadah penting untuk kita menyusun langkah, memperkukuh visi, misi dan memperhalusi hala tuju organisasi agar terus relevan, berdaya saing dan berimpak tinggi dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Izinkan saya mulakan dengan menjelaskan isu-isu yang perlu kita lihat dan kesepakatan yang perlu ada dalam MBSP. Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di jabatan begitu sinonim dengan proses kerja di jabatan masing-masing. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan perlu *brainstorming* dan melaksanakan analisis pesekitaran bagi mencerminkan

pemberian perkhidmatan menepati ekspektasi pelanggan atau penduduk Seberang Perai. Isu yang perlu di ambil perhatian adalah apabila:

- i. Ahli Majlis membangkitkan isu atau aduan.
- ii. Aduan orang awam. Statistik aduan yang dibentangkan di dalam Mesyuarat aduan dua (2) kali setahun itu sepatutnya diambil serius dan jangan dipandang enteng.
- iii. Permasalahan yang timbul di jabatan. Isu tidak cukup pekerja adalah pada saya isu yang perlu ditangani dengan bijak dan mengikut kreativiti. Dunia kini berubah dengan pantas, teknologi mengubah cara kita bekerja, berhubung, dan mentadbir. Di saat segalanya menjadi digital, kita perlu menekankan penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) sebagai membantu organisasi dalam memangkin kepada keberkesanan operasi dan perkhidmatan. Kita mahu teknologi menjadi alat yang memudahkan, bukan belenggu yang mengikat. Kita mahu data menjadi panduan bijak, bukan sekadar angka kosong. Dan di sinilah MBSP perlu mengubah cara kita menguruskan data supaya data-data kita amat berguna untuk kemudahan kita.

Sebagai Ketua Jabatan dan pegawai kanan, tiga (3) perkara di atas perlu diambil perhatian dan melaksanakan brainstorming segera bagi mengurangkan isu atau permasalahan tersebut. Setiap masalah, ada jalan penyelesaiannya.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian,

Fokus dan penekanan saya kali ini menjurus kepada tiga (3) perkara utama iaitu:

- i. Kecekapan Perkhidmatan
- ii. Pemantapan Penguatkuasaan
- iii. Peningkatan Hasil Organisasi

Dalam proses untuk merangka program bagi Pelan Strategi 2025-2030 dan *Corporate Priorities* tahun depan, saya ingin tegaskan di sini bahawa semua Ketua Jabatan perlu bersikap proaktif dan mengambil tanggungjawab untuk menjadi teraju kepada jabatan masing-masing mencorakkan jabatan dengan mengambil kira segala isu dan fokus yang saya sebutkan tadi.

Dalam konteks meneliti cabaran, program, aktiviti, dan proses di jabatan, tidak lupa bahawa jabatan perlu melihat hubung kait proses jabatan dengan jabatan lain, bukan hanya melihat dalam konteks ruang lingkup jabatan semata-mata kerana kita bergerak selari untuk mencapai Visi dan Misi MBSP sebagai sebuah Organisasi. Kejayaan Organisasi bukan hasil kerja satu pihak, tetapi hasil sinergi, komunikasi dan kerjasama semua jabatan yang bergerak seiring menjadikan MBSP sebuah organisasi ***Services – Ready, Action Oriented.***

Sekian, terima kasih, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*